

# Suami isteri selamatkan penyu

Sinar Harian 16/3/2018 M/S 24

*Reptilia ditemui terperangkap dalam pukat*

NURUL ZAILA MOHD TAHIR

DUNGUN

**S**eekor penyu agar yang ditemui terdampar di Pantai Merchang dan diselamatkan oleh sepasang suami isteri kini menjalani rawatan di Institut Perikanan Malaysia (FRI) Rantau Abang.

Dalam kejadian Isnin lalu, sepasang suami isteri Mohd Hafizi Idrus, 30 dan Norazlina Ali, 37 yang sedang mencari remis menjumpai seekor penyu betina terperangkap di dalam pukat dan terdampar di pantai selepas dibadi ombak.

Pada awalnya mereka menyangka reptilia itu sudah



Mohd Hafizi dan Norazlina menyerahkan penyu agar yang ditemui kepada Mohd Tamimi.

mati tetapi selepas dilerakan dari pukat rupa-rupanya masih bernyawa.

Ketua Cawangan Mamalia Marin, FRI Rantau Abang, Mohd Tamimi Ali Ahmad berkata, pasangan tersebut cuba melepaskan semua spesies marin terancam tersebut ke laut tetapi keadaan pantai yang ber gelora dengan ombak kuat mencecah 2 meter menyukarkan penyu untuk berenang.

"Kejadian itu dilaporkan

kepada Jabatan Perikanan dan FRI Rantau Abang untuk tindakan menyelamat.

"Penyu itu telah selamat dikuarantin di Hospital Penyu FRI Rantau Abang dan sedang menjalani rawatan dan pemuliharaan dengan menggunakan herba.

"Dijangkakan penyu ber usia lima tahun itu akan sem buh dalam tempoh tiga bulan dan akan dilepas semula ke habitatnya," katanya.

Beliau berkata, siasatan

awal mendapati penyu tersebut mengalami kecederaan parah pada kaki renang belakang yang hampir putus, tepi karapas sedikit pecah, kurus, lemah dan kelaparan.

"Penyu ini dianggarkan terperangkap dalam pukat tersebut hampir dua minggu mengikut kecederaan luka yang dialami.

"Badannya sangat kurus dan hanya seberat 6.4 kilogram," katanya.

Jelas Mohd Tamimi,



Penyu yang mengalami beberapa kecederaan ini dirawat di FRI Rantau Abang.

pihaknya akan mempergiat kan lagi program pendidikan konservasi kepada penyu dan spesies marin terancam di Malaysia terutamanya melalui program-program yang telah dirancang sepanjang 2018.

"Kita berterima kasih kepada pasangan suami isteri yang menyelamat nyawa penyu dari spesies Chelonia mydas itu."

**info**  
Penyu  
itu cedera  
parah pada  
kaki renang  
belakang, kurus  
dan kelaparan

"Orang awam boleh membuat aduan terus ke talian FISHCOM 0388704058 @ 0388704028," katanya.